
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	1/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	PERHILITAN, PDRM			



MAZLAN (kiri) menyerahkan replika kad senjata kastam kepada Abdul Latif di sebuah hotel di Batu Ferringhi, George Town semalam.

Tingkat usaha kekang penyeludupan haiwan liar

PDRM tubuh unit khas bantu Perhilitan

Oleh SAFINA RAMLI

GEORGE TOWN – Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menubuhkan unit baharu iaitu Biro Kawalan Jenayah Hidupan Liar (WCB) bagi menyiasat dan menumpaskan sindiket penyeludupan hidupan liar di negara ini.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, unit berkenaan akan ditubuhkan dalam tempoh terdekat, pada masa ini kertas kerja mengenainya telah pun disiapkan dan unit berkenaan akan dianggotai oleh 50 anggota polis termasuk pegawai.

"Unit WCB akan guna kepakaran yang ada dalam pasukan polis untuk membantu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) menumpaskan sindiket yang mempunyai rangkaian penyeludupan hidupan liar.

"Unit ini akan berpusat di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan kita bercadang untuk mohon sebanyak 50 perjawatan untuk anggota serta pegawai polis di dalam unit ini," katanya ketika ditemui selepas sidang akhbar semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim dan Ketua Pengarah Jabatan Kastam, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir.

Menurut Mazlan, pihak polis juga akan guna undang-undang sedia ada seperti Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram untuk menyita aset-aset yang dimiliki sindiket rangkaian penyeludupan hidupan liar itu.

Dalam pada itu, Abdul Kadir berkata, ketua-ketua sindiket penyeludupan haiwan liar itu kini berada dalam radar pemantauan pihaknya dan pihak polis.

"Kita dapati ketua sindiket ini jumlahnya ada kurang daripada 10 orang, saya yakin mereka akan ditahan nanti," katanya.

Tambahnya, tenggiling merupakan antara haiwan yang sering diseludup masuk ke negara ini di mana pada tahun lalu sebanyak dua tan haiwan berkenaan telah dirampas.

"Setakat ini 127 orang termasuk pemburu haram ditahan dengan nilai sitaan RM31.86 juta di seluruh negara," jelasnya.

Kosmo 1.12.2021_15